B Pemahaman

Pemahaman Teks

Praktis PT3 Puisi Tradisional – Syair Pohon Buluh

Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Menara tinggi banyak bertingkat,
Di sana tiada bilik bersekat,
Tiada bertangga naik melekat,
Mata-mata menjaga segenap pangkat.

Yang ada sedia **panji-panji** bendera,
Hingga sampai ke **kemuncak** menara,
Banyak ada ia bersaudara,
Yang ada pula bersama gara.

Selalu dipandang dilihat adanya,
Tinggi rendah **dijerat** pangkatnya,
Besar kecil ikat binanya,
Terlalu kuat pula asasnya.

Ikatnya licin di luar di dalam,
Gelapnya di dalam seperti malam,
Air tak **tiris** seperti kolam,
Ikat tingkatnya tak nampak alam.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)

Nota SMART

Syair
- Suatu karangan berangkap yang disusun secara berkesinambungan untuk mengungkapkan satu maksud.
- Syair bermaksud puisi, berasal daripada kesusasteraan Arab.
- Syair merupakan suatu kesatuan idea.
- Syair terdiri lebih daripada serangkap.
- Ciri-ciri syair ialah:
  (a) Terdiri daripada empat baris serangkap
  (b) Setiap baris adalah maksud
  (c) Rima akhir *aaaa*
  (d) 4 hingga 5 patah perkataan sebaris
  (e) 8 hingga 12 suku kata sebaris

Entri Kata
- **menara** – bangunan yang tinggi
- **panji-panji** – bendera
- **kemuncak** – bahagian yang tertinggi; puncak
- **dijerat** – tipu muslihat
- **tiris** – bocor

1. Apakah peranan pihak berkuasa dalam rangkap pertama syair?
   A Menjaga keselamatan golongan atasan
   B Berkorban masa dan tenaga demi kesejahteraan masyarakat
   C Menjalankan tugas dengan adil tanpa mengira pangkat dan kedudukan
   D Mengenakan hukuman terhadap sesiapa yang disyaki melakukan kesalahan

2. Yang berikut merupakan ciri-ciri syair di atas, **kecuali**
   A berbentuk terikat.
   B terdiri daripada empat rangkap.
   C rima akhir bagi setiap rangkap bebas.
   D bilangan baris pada setiap rangkap adalah sama.

Gelapnya di dalam seperti malam

3. Baris syair di atas merujuk kepada gaya bahasa
   A simile.
   B sinkope.
   C metafora.
   D personifikasi.

4. Apakah tema *Syair Pohon Buluh*?
   A Keutuhan hidup bersatu
   B Keredaan menerima takdir Tuhan
   C Kebijaksanaan menyelesaikan masalah
   D Keberanian dalam menghadapi cabaran

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Praktis PT3 *Prosa Tradisional – Asal Padi*

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada suatu hari, ketika yang empunya padi sedang sibuk ke sana dan ke mari menghalau burung-burung yang memakan tanamannya, dengan cepat-cepat anak yatim piatu itu mengambil segenggam padi yang sedang dijemur. Dimasukkannya padi itu ke dalam mulutnya, lalu ia pun melompat dan lari dengan sekencang-kencangnya menuju ke liang tempat ia mula-mula masuk ke **kayangan** bersama-sama dengan tujuh orang gadis kayangan yang diikutinya beberapa hari yang lalu. Setelah yang empunya kembali dari menghalau burung-burung itu maka didapatinya bekas tangan anak yatim piatu itu pada tompokan padi yang sedang dijemurnya. Ia pun segera mengerti bahawa padinya ada yang dicuri oleh anak yatim piatu itu. Maka secepat kilat dikejarnya anak yang mencuri padinya itu. Anak itu baru sahaja beberapa langkah menjejakkan kakinya pada pelangi yang menjadi tangga antara bumi dengan kayangan, ketika ia **disusul** dan ditangkap oleh yang empunya padi. Ketika yang empunya padi mencapai anak yatim piatu itu, maka dihempaskannya pencuri tadi itu sampai beberapa kali ke tangga pelangi. Tumit anak yatim piatu itu luka kerana terhantuk pada bahagian **pinggir** yang tajam daripada tangga pelangi itu. Kemudian yang empunya padi itu menggeledah seluruh badan pencuri itu. Didapatinya padinya di dalam mulut anak yatim piatu itu. Dipaksanya anak yatim piatu itu untuk mengembalikan padi yang dicurinya, sebutir pun tidak boleh ada yang ketinggalan. Ia sama sekali tidak mahu **memperkenankan** padinya, biar sebutir pun, dicuri dan dibawa ke bumi.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)

Nota SMART

Binaan Plot

- Dalam sesebuah cerita, plot berkembang dalam empat peringkat:
  (a) *Permulaan* – Bahagian pengarang memulakan cerita.
  (b) *Konflik* – Ditandai dengan kehidupan watak-watak yang mulai resah kerana menghadapi masalah.
  (c) *Klimaks* – Paling menarik dan saspens kerana segala permasalahan telah sampai kemuncak.
  (d) *Peleraian* – Bahagian pengakhiran cerita, iaitu semua masalah telah menemukan jalan penyelesaian.

Entri Kata

- **kayangan** – tempat kediaman segala dewa
- **disusul** – mengikuti (mengejar); mengekori; mengikut di belakang
- **pinggir** – tepi
- **memperkenankan** – mengizinkan; meluluskan; menyetujui

1. Mengapakah empunya padi menggeledah seluruh tubuh anak yatim?
   A Untuk memastikan anak yatim tidak membawa padi ke bumi
   B Supaya empunya padi dapat menuduh anak yatim mencuri
   C Supaya anak padi tidak tumbuh di dalam mulut anak yatim
   D Supaya burung-burung tidak mencuri padi daripada anak yatim

2. Bagaimanakah empunya padi mengetahui padinya telah dicuri?
   A Penjaga padi telah hilang
   B Ada padi pada paruh burung
   C Ada bekas tangan pada padi yang dijemur
   D Diberitahu oleh tujuh orang gadis kayangan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

3. Yang berikut merupakan perwatakan anak yatim yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut, **kecuali**
   - **A** gigih.
   - **B** berani.
   - **C** prihatin.
   - **D** bijaksana.

4. Cerita 'Asal Padi' berakhir dengan peristiwa
   - **A** anak yatim tinggal di kayangan.
   - **B** anak yatim menanam padi di bumi.
   - **C** anak yatim berkahwin dengan gadis kayangan.
   - **D** anak yatim bekerja sebagai petani di kayangan.

LIVEWORKSHEETS